

Wanita Orang Asli tak sempat naik helikopter ke Hospital Gua Musang

# Bersalin atas pengusung bomba

Oleh AIMUNI TUAN LAH

**GUA MUSANG** - Seorang wanita Orang Asli yang sarat mengandung sembilan bulan bersalin sebelum sempat menaiki helikopter Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk ke Hospital Gua Musang kelmarin.

Arnie Bah Leman, 30, yang tinggal di Kampung Pahong, Pos Bihai di sini selamat melahirkan anak pertama di atas pengusung bomba dengan bantuan bidan kampung.

Pegawai Perhubungan Awam Unit Udara JBPM Subang, Selangor, Penolong Penguasa Bomba Mohd. Farhan Marzuki berkata, berikutan kejadian itu penerbangan ihsan terpaksa dibatalkan kerana pesakit selamat melahirkan anak tanpa sebarang komplikasi.

Katanya, pihaknya menerima



UNIT Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat tidak sempat membuat penerbangan ihsan membawa Arnie selepas dia bersalin di atas pengusung sewaktu cuba diangkat menaiki helikopter di Gua Musang kelmarin.

laporan daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) pada pukul 1 petang.

"Pada pukul 3.30 petang pesawat Agusta 109 E telah berlepas dari pangkalan udara Subang dan tiba di Kampung

Pahong satu jam kemudian. Ketika pihak kami sampai pesakit sudah bersedia untuk menaiki helikopter.

"Pesakit telah diangkat ke atas pengusung. Bagaimanapun belum sempat menaiki helikop-



ARNIE melahirkan anak pertama di atas pengusung bomba sebelum sempat dibawa naik ke atas helikopter di Gua Musang kelmarin.

ter pesakit telah bersalin. Situasi cemas itu turut disaksikan

penduduk kampung dan bidan Orang Asli telah membantu menyambut bayi pesakit," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Mohd. Farhan berkata, anggotanya turut menunggu selama satu jam setengah di kampung itu bagi memastikan keadaan ibu dan bayi selamat sebelum berlepas pulang ke pangkalan.

Katanya, suami wanita itu, Iman Along, 35, turut menemani isterinya sepanjang proses kelahiran bayi mereka.

"Penerbangan berkenaan diketuai Penguasa Kanan Bomba I, Roslan Aziz dan pembantu juruterbang, Timbalan Penguasa Bomba, Mohd. Faizal Abd. Latiff bersama dua lagi anggota.

"Ini merupakan kejadian kali pertama sepanjang kita mengadakan penerbangan ihsan bagi membantu pesakit Orang Asli di kawasan pedalaman," katanya.